

30 OCT 1997

Lim-pilihan raya

PILIHAN RAYA KECIL SUNGAI BAKAP JADI PERHATIAN, KATA KENG YAIK

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Penduduk pelbagai kaum di Malaysia mengharapkan pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap di Pulau Pinang untuk membuktikan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia bersatu hati dalam menghadapi masalah-masalah dalam negara yang berpunca dari luar.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata disebabkan pengundi di Sungai Bakap terdiri daripada pelbagai kaum, mereka perlu buktikan bahawa mereka bersatu padu dalam menghadapi masalah seperti jerebu, kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham, inflasi dan kenaikan harga barang keperluan, yang semuanya akibat pengaruh luar.

"Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu hadapi ini semua secara bersama, sebab itulah pilihan raya Sungai Bakap ini penting untuk menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat tidak panik, bersatu dan berdisiplin dalam menghadapi cabaran-cabaran tersebut," katanya kepada pemberita di rumah terbuka perayaan Deepavali Parti Gerakan di sini.

Beliau berkata beliau kecewa kerana parti-parti pembangkang yang sebelum ini telah menyatakan sokongan kepada Dr Mahathir dalam menghadapi masalah tersebut telah memainkan isu-isu itu untuk memancing undi dalam pilihan raya kecil itu.

"Di sini saya soalkan kejujuran pembangkang khususnya DAP dan PAS, apabila mereka dalam Parlimen menyuarakan sokongan terhadap Perdana Menteri tetapi DAP khususnya yang bertanding di Sungai Bakap telah sejak hari penamaan calon semalam melalui poster-poster, memainkan isu-isu yang kita semua tahu adalah datang dari luar," katanya.

Dr Lim berkata, isu seperti jerebu telah dimainkan oleh DAP sedangkan semua pihak tahu bahawa jerebu bukan berpunca dari negara ini tetapi datang dari luar dan Malaysia telahpun mengambil tindakan-tindakan bagi mengatasinya.

Keduanya, masyarakat dunia kini sedar tentang serangan ke atas mata wang yang dilakukan oleh kumpulan tertentu yang bermotifkan keuntungan tanpa mengira huru-hara yang mereka timbulkan di negara-negara membangun dan di seluruh dunia.

"Sekarang seluruh dunia termasuk Eropah dan Amerika Syarikat, yang mana bursa-bursa saham jatuh dengan serangan mereka kepada Hong Kong, Taiwan dan negara-negara Asean."

Kejatuhan matawang katanya, sudah tentu akan membawa inflasi yang diimport ke negara ini kerana Malaysia tidak mengeluarkan segala keperluannya termasuk barang keperluan seperti tepung gandum dan daging yang perlu diimport.

Dr Lim berkata, DAP boleh bertanding di Sungai Bakap kerana Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi tetapi ia tidak harus menggunakan isu-isu untuk mengelirukan orang ramai.

Dalam pilihan raya kecil Sungai Bakap, calon Barisan Nasional Lai Chew Hock, 33, yang juga naib pengerusi Pemuda Gerakan Pulau Pinang ditentang oleh calon DAP Goh Kheng Huat, 34, dan dua calon Bebas - K. Ganesh, 44, dan Abu Harith Ahmad, 40.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian wakil rakyat kawasan itu, Ooi Theng Bok dalam kemalangan jalan raya pada 23 Sept lalu.-- BERNAMA  
AFY oba